



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA
JABATAN PERPADUAN NEGARA
DAN INTEGRASI NASIONAL

GARIS PANDUAN

PEMERKASAAN RUKUN TETANGGA SEBAGAI PENGERAK KOMUNITI PROGRESIF

Disediakan oleh:

JABATAN PERPADUAN NEGARA DAN INTEGRASI NASIONAL

ISI KANDUNGAN

BIL	PERKARA	MUKA SURAT
1.	PENGENALAN	3
2.	TUJUAN	3
3.	TAFSIRAN	3
4.	LATAR BELAKANG	4
5.	OBJEKTIF PEMERKASAAN RUKUN TETANGGA SEBAGAI PENGGERAK KOMUNITI PROGRESIF	4
6.	SKOP PROJEK/PROGRAM/AKTIVITI/PERKHIDMATAN	5
7.	SYARAT-SYARAT KELAYAKAN PERMOHONAN RT PROGRESIF	6
8.	PERMOHONAN YANG LAYAK DIPERTIMBANGKAN	7
9.	TATACARA PERMOHONAN	8
10.	KAEDAH PENILAIAN RT PROGRESIF	8
11.	TATACARA PENYALURAN PERUNTUKAN	9
12.	TANGGUNGJAWAB KRT	9
13.	KAWALAN DAN PEMANTAUAN	10
14.	PENILAIAN <i>OUTCOME</i>	10
15.	TARIKH KUATKUASA	11
16.	PENUTUP	11

1. PENGENALAN

Garis panduan ini disediakan bertujuan memastikan mekanisme tadbir urus yang cekap ke arah kesejahteraan komuniti. Ia bagi menyelaras pelaksanaan pemerkasaan RT sebagai penggerak komuniti progresif selaras dengan aspirasi Kerajaan. Inisiatif ini dirangka selari dengan aspirasi Dasar Perpaduan Negara, wadah Ekonomi Madani: Memperkasa Rakyat dan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kedua Belas (2021-2025) di mana pembangunan masyarakat progresif merupakan satu daripada komponen penting inisiatif Anjakan Besar Pembudayaan Masyarakat MADANI.

2. TUJUAN

Garis Panduan ini bertujuan untuk memberi penerangan mengenai skop bidang, kaedah penilaian, spesifikasi, agihan peruntukan, tatacara penyaluran, kawalan, pemantauan dan penilaian.

3. TAFSIRAN

- 3.1 **Rukun Tetangga (RT) Progresif** bermaksud komuniti yang sentiasa bergerak ke hadapan bertujuan untuk mencapai kemajuan.
- 3.2 **Pemerkasaan RT** adalah mendaya upayakan komuniti dalam aspek sosioekonomi dan kesejahteraan komuniti.

4. LATAR BELAKANG

- 4.1 Pelan Tindakan Pemerksaan Rukun Tetangga sebagai Penggerak Komuniti Progresif adalah merupakan rangka kerja yang tersusun, inklusif dan komprehensif yang dirangka bagi mendukung aspirasi Kerajaan untuk membangunkan masyarakat progresif. Aspirasi ini diterjemahkan melalui pemerksaan Rukun Tetangga yang menjadi penggerak dan jentera penting dalam komuniti.
- 4.2 Inisiatif bagi membangunkan komuniti progresif ini dirangka berdasarkan kepada lapan (8) bidang tumpuan iaitu Ekonomi dan Sara Hidup, Keselamatan dan Ketahanan Komuniti, Kepimpinan, Kesejahteraan Komuniti, Pembelajaran Sepanjang Hayat, Alam Sekitar, Warisan dan Budaya serta Daya Cipta. Dalam hubungan ini, Rukun Tetangga berperanan sebagai penggerak utama dan penghubung jalin (*bridge builder*) dalam komuniti melalui pendekatan "5C" iaitu sebagai *Communicator*, *Coordinator*, *Collaborator*, *Conciliator* dan *Capacity Builder*.

5. OBJEKTIF PEMERKASAAN RUKUN TETANGGA SEBAGAI PENGGERAK KOMUNITI PROGRESIF

- 5.1 Memperkasakan agenda ekonomi komuniti RT bagi meningkatkan pendapatan isi rumah dan membantu menangani masalah kos sara hidup yang meningkat;
- 5.2 Mewujudkan persekitaran kejiranan yang selamat dan kondusif;

- 5.3 Memperkuuhkan kepimpinan Rukun Tetangga sebagai penggerak, pengantaraan penting dan penghubung jalin dalam program ini di peringkat komuniti;
- 5.4 Meningkatkan kesejahteraan sosial komuniti melalui pembelajaran sepanjang hayat, melestarikan alam sekitar dan membudayakan inovasi; dan
- 5.5 Memelihara warisan dan budaya sebagai tapak integrasi dalam komuniti.

6. SKOP PROJEK/PROGRAM/AKTIVITI/PERKHIDMATAN

- 6.1 Projek/program/aktiviti/perkhidmatan yang akan dilaksanakan hendaklah berdasarkan lapan (8) bidang tumpuan yang telah ditetapkan iaitu:
 - 6.1.1 Ekonomi dan Sara hidup
 - 6.1.2 Keselamatan dan Ketahanan Komuniti
 - 6.1.3 Kepimpinan
 - 6.1.4 Kesejahteraan Komuniti
 - 6.1.5 Pembelajaran Sepanjang Hayat
 - 6.1.6 Alam Sekitar
 - 6.1.7 Warisan dan Budaya
 - 6.1.8 Daya Cipta
- 6.2 Projek/program/aktiviti/perkhidmatan yang ingin dilaksanakan hendaklah menghasilkan *outcome* seperti yang telah ditetapkan di dalam borang permohonan;

- 6.3 Tempoh maksimum pelaksanaan projek/program/aktiviti/perkhidmatan adalah selama satu (1) tahun; dan
- 6.4 Permohonan akan dipertimbangkan bagi setiap KRT yang terpilih. KRT perlu melaksanakan empat (4) projek/program/aktiviti/perkhidmatan iaitu dua (2) wajib (Ekonomi dan Sara Hidup serta Keselamatan dan Ketahanan Komuniti) dan dua (2) bidang elektif (2 daripada 6 bidang tumpuan yang lain).

7. SYARAT-SYARAT KELAYAKAN PERMOHONAN RT PROGRESIF

- 7.1 KRT yang memohon peruntukan di bawah RT Progresif mestilah menubuhkan Skim Rondaan Sukarela (SRS) dan aktif;
- 7.2 KRT mestilah mempunyai sekurang-kurangnya satu projek ekonomi yang berpotensi dalam mencapai pulangan pelaburan (ROI);
- 7.3 Bagi penggunaan tanah bukan milik Kerajaan Persekutuan, ia mestilah mendapatkan kebenaran secara bertulis daripada Pihak Berkuasa atau pemilik tanah;
- 7.4 Penggunaan bagi tanah milik individu mestilah mempunyai perjanjian yang sah; dan
- 7.5 Peruntukan yang dipohon bukanlah untuk tujuan projek pembangunan atau pembinaan infrastruktur.

8. PERMOHONAN YANG LAYAK DIPERTIMBANGKAN

8.1 Projek/program/aktiviti/perkhidmatan mestilah berbentuk aktiviti peningkatan dan kesejahteraan komuniti yang meningkatkan sosioekonomi komuniti setempat dalam lapan (8) bidang tumpuan RT progresif sahaja. Program boleh dikategorikan seperti berikut:

8.1.1 Rintis

Projek/program/aktiviti/perkhidmatan yang baharu dilaksanakan dalam tempoh kurang setahun;

8.1.2 Peningkatan

Projek/program/aktiviti/perkhidmatan sedia ada yang telah dilaksanakan antara satu (1) hingga tiga (3) tahun; dan

8.1.3 Pengembangan

Projek/program/aktiviti/perkhidmatan sedia ada yang dilaksanakan melebihi tiga (3) tahun.

8.2 Permohonan yang **TIDAK LAYAK dipertimbangkan:**

8.2.1 Projek pembangunan fizikal dan infrastruktur;

8.2.2 Projek yang diusahakan oleh individu;

8.2.3 Projek yang tidak menepati skop program pemerkasaan RT progresif; dan

8.3.4 Projek yang boleh menimbulkan kacau ganggu kepada komuniti setempat.

9. TATACARA PERMOHONAN

- 9.1 Permohonan projek/program/aktiviti/perkhidmatan adalah melalui pemetaan sosial (*social mapping*) yang disediakan berdasarkan profil RT seperti berikut :
- 9.1.1 Pegawai Perpaduan Daerah/Bahagian mengenal pasti RT berpotensi mengikut kriteria yang ditetapkan dan melengkapkan profil RT;
- 9.1.2 Pengarah Perpaduan Negeri mengesahkan maklumat profil KRT yang dicadangkan dan mengemukakan kepada Jawatankuasa Teknikal; dan
- 9.1.3 Permohonan yang lengkap sahaja akan diproses oleh Jawatankuasa Teknikal.

10. KAEADAH PENILAIAN RT PROGRESIF

Kaedah penilaian adalah berdasarkan KRT yang memenuhi kriteria berikut:

- 10.1 Mempunyai projek ekonomi;
- 10.2 Mempunyai SRS yang aktif dengan rondaan sekurang-kurangnya sekali seminggu; dan
- 10.3 Melaksanakan sekurang-kurangnya dua (2) bidang elektif daripada enam (6) bidang tumpuan yang lain.

11. TATACARA PENYALURAN PERUNTUKAN

- 11.1 Peruntukan yang dilulus akan disalurkan kepada JPNIN Negeri untuk agihan kepada KRT terpilih; dan
- 11.2 Peruntukan akan disalurkan dalam tempoh tujuh (7) hari bekerja selepas menerima Surat Setuju Terima (SST) pelaksanaan projek/program/aktiviti/perkhidmatan.

12. TANGGUNGJAWAB KRT

KRT hendaklah memastikan perkara-perkara berikut :

- 12.1 Bertanggungjawab sepenuhnya terhadap permohonan dan memastikan projek/program/aktiviti/perkhidmatan dilaksanakan dengan jayanya;
- 12.2 Melaksanakan perolehan mengikut spesifikasi yang diluluskan;
- 12.3 Menyediakan laporan berkala bagi status pelaksanaan mengikut format yang disediakan atau memuat naik melalui Sistem Pelaporan RT Progresif setiap bulan.
- 12.4 Mengemukakan Laporan Akhir Pelaksanaan projek/program/aktiviti/perkhidmatan dengan lengkap berserta dokumen kewangan seperti baucar/invois/resit pembelian.

13. KAWALAN DAN PEMANTAUAN

- 13.1 Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional berhak menarik balik kelulusan peruntukan yang telah dikeluarkan dan menyenaraihitamkan KRT sekiranya didapati pihak KRT gagal melaksanakan projek sebagaimana yang dipersetujui atau melanggar mana-mana syarat.
- 13.2 Lawatan pemantauan akan dilaksanakan oleh Jawatankuasa Pemantauan dan Penilaian RT Progresif bagi memastikan pelaksanaan projek/program/aktiviti/perkhidmatan seperitimana yang diluluskan.

14. PENILAIAN *OUTCOME*

- 14.1 Penilaian *Outcome* (PO) boleh dijadikan alat pengukur keberkesanan projek yang telah siap serta memberi pulangan pelaburan. Ini membolehkan Jabatan menilai, menyemak dan menambah baik pelaksanaan projek/program/aktiviti/perkhidmatan.
- 14.2 Sekurang-kurangnya terdapat 4 jenis penilaian yang boleh dilaksanakan bagi menentukan tahap pencapaian, kejayaan dan keberkesanan projek/program/aktiviti/ perkhidmatan. Antaranya ialah:
 - 14.2.1 **Penilaian keberhasilan** (*outcome evaluation*) iaitu perubahan yang berlaku kepada komuniti selepas projek/program/aktiviti/ perkhidmatan dilaksanakan;

- 14.2.2 **Penilaian proses** iaitu sejauh mana projek/program/aktiviti/perkhidmatan ini dilaksanakan mengikut perancangan yang telah ditetapkan;
- 14.2.3 **Penilaian kos** iaitu menilai sumber yang digunakan dan adakah kos ini setimpal dengan hasil yang diperolehi (*value for money*); dan
- 14.2.4 **Penilaian ekonomi** iaitu menentukan kesetaraan hasil dengan sumber yang digunakan atau dibelanjakan.

15. TARIKH KUATKUASA

Garis Panduan ini berkuat kuasa pada tarikh ia dikeluarkan.

16. PENUTUP

Garis Panduan ini adalah diharapkan dapat dijadikan panduan bagi membangun model RT Progresif yang akan menjadi penanda aras dan sumber inspirasi kepada komuniti-komuniti yang lain. Kerajaan berharap agar RT di semua peringkat dapat memainkan peranan yang lebih aktif dan berkesan bagi memastikan inisiatif RT Progresif ini dapat direalisasikan.

Sebarang pertanyaan mengenai pelaksanaan RT Progresif bolehlah dikemukakan kepada Urus Setia di alamat berikut :

**Bahagian Perhubungan Masyarakat dan Kejiranan
Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional
Aras 8, Blok E2, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 PUTRAJAYA**

**Telefon : 0388837000
Emel : rtprogresif@perpaduan.gov.my**


(DATO' HAJI CHE ROSLAN BIN CHE DAUD)

KETUA PENGARAH

**JABATAN PERPADUAN NEGARA DAN INTEGRASI NASIONAL
KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA**

TARIKH: 13/6/24.